

→ HALAMAN KOTA

[FOTO BALQIS JAZIMAH ZAHARI/BH]



Suasana Medan Selera Taman Kanak-Kanak di antara Jalan Raja Musa Aziz dan Jalan Tahwil Azhar kurang pengunjung pada waktu malam..



Kemudahan kerusi dan meja yang sudah rosak dibiarkan tanpa dibaik pulih. Keadaan longkang yang tidak diselenggara dengan baik.



Medan selera di Jalan Dato Tahwil Azhar

- Lampu limpah sedia ada tidak mencukupi untuk menerangkan kawasan sekitar.
- Lampu limpah adakalanya lambat dibuka dan rosak membuatkan kawasan sekitar menjadi suram atau gelap gelita.

MBI digesa naik taraf Osborne Street

➔ Aspek kebersihan, keselamatan Medan Selera TKK mengecewakan pengguna

Oleh Balqis Jazimah Zahari
bhnews@bh.com.my

➔ Ipoh

Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) yang mengendalikan Medan Selera Taman Kanak-Kanak (TKK), di sini, perlu mengambil langkah menyelenggara dan menaik taraf aspek kebersihan dan keselamatan di kawasan itu bagi mengembalikan semula kegemilangannya.

Penyelidik Lapangan Sahabat Alam Malaysia (SAM), Meor Razak Meor Abdul Rahman, berkata kawasan medan selera di Jalan Dato Tahwil Azhar itu dilihat semakin suram sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

"Saya melihat aspek kebersihannya sangat mengecewakan terutama dari segi bau dan keadaan longkang yang agak kotor serta menimbulkan perasaan kurang senang pengunjung."

"Ia mungkin berpunca daripada longkang berkenaan kurang diselenggara MBI," katanya.

Meor Razak berkata, sistem perparitan serta kumbahan di situ perlu dinaik taraf dan mempunyai sistem penapisan supaya air sisa tidak terus mengalir ke parit besar seterusnya ke Sungai Kinta.

"Jadi, dalam perkara ini, MBI perlu memainkan peranan menaik taraf sistem perparitan dan kumbahan sedia ada."

"Walaupun di parit besar itu mempunyai perangkap sampah, dari segi kualiti, airnya masih tetap tercemar dan akan mengganggu ekosistem kawasan sungai," katanya.

Tumpuan gelandangan

Meor Razak berkata, landskap sedia ada di situ juga perlu dicekrikan selain aspek pencahayaan yang menyebabkan ia menjadi tempat melepak dan tidur golangan gelandangan serta penagih dadah sehingga membuatkan ibu bapa takut hendak melepaskan anak bermain di situ.

Halaman Kota, semalam menyiarkan laporan berkenaan Medan Selera TKK yang juga dikenali sebagai Osborne Street yang semakin lesu dan tidak terurus serta kelihatan kotor.

Sementara itu, Presiden Persatuan Pengguna Perak (PCA), Abd Rahman Saïd Alli, berkata MBI perlu memikirkan usaha menaik taraf dan membaikpulih semula Medan Selera TKK agar bersifat mesra pengguna khususnya kanak-kanak.

Landskap kawasan itu juga kurang ceria, tidak bersesuaian serta tidak menekankan konsep kekeluargaan.

"Ini (taman kanak-kanak) adalah satu kemudahan asas, tetapi kalau ini pun MBI tidak boleh menyediakannya kepada pengunjung bermakna MBI gagal," katanya.



MBI perlu memainkan peranan menaik taraf sistem perparitan dan kumbahan sedia ada"

Meor Razak Meor Abdul Rahman,
Penyelidik Lapangan Sahabat Alam Malaysia (SAM)

Kemudahan asas

Abd Rahman berkata, paling penting, membuat perancangan menaik taraf menggunakan pakar perunding yang mahir bagi memastikan aspek diguna pakai ketika menaik taraf kawasan itu bersesuaian dan mementingkan kanak-kanak.

Katanya, terlalu banyak ruang lantai menyebabkan kawasan menjadi tidak mesra kanak-kanak, ditambah pula penyelenggaraan yang tidak sempurna dan membahayakan kanak-kanak.

"Selagi ia dizonkan sebagai taman kanak-kanak, MBI perlu mengambil berat, di sini nampaknya ia sudah mengabaikan taman kanak-kanak yang menjadi bahagian terpenting kawasan itu," katanya.



Keratan akhbar BH keluaran semalam.